



SIARAN MEDIA

400 UNIT RUMAH PPR CAHAYA SENIBONG (PERMAS JAYA) BAKAL MANFAAT GOLONGAN B40 DI NEGERI JOHOR

MASAI, 3 Disember 2023 – Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Cahaya Senibong (Permas Jaya), Johor Bahru pada petang ini. PPR Cahaya Senibong (Permas Jaya) ini telah diserahkan kepada Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor (PKPJ) yang diwakili oleh YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

Majlis Penyerahan ini diadakan sebagai simbolik bagi pembangunan dan pembinaan perumahan rakyat kepada penduduk tempatan. Projek PPR Permas Jaya ini juga telah dijenamakan menjadi PPR Cahaya Senibong bersempena dengan lokasi PPR tersebut yang terletak di kawasan Senibong dan pengisian bagi PPR ini adalah secara sewaan.

PPR Cahaya Senibong yang dibangunkan di atas tanah seluas 8.04 ekar ini menyediakan **400 unit rumah pangsa berbilang tingkat berkeluasan 700kps dengan nilai keseluruhan peruntukan Kerajaan Persekutuan** sebanyak **RM85.8 juta**. Ia turut dilengkapi kemudahan seperti taska, tadika, dewan serbaguna, surau, unit kedai dan gerai untuk kemudahan penduduk setempat dan kawasan sekitar. Berkonsepkan kawasan kejiranan perumahan moden yang selesa dan selamat, setiap unit rumah dilengkapi tiga (3) bilik tidur, dua (2) bilik air, ruang tamu, ruang makan, dan dapur. Selain itu, ia turut menyediakan **4 unit rumah** bagi memenuhi keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Projek PPR Cahaya Senibong ini juga merupakan **kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri** di dalam usaha menyediakan kediaman yang selesa dan mampu milik kepada rakyat. Selaras dengan keputusan Majlis Perumahan Mampu

Milik Negara (MPMMN), bagi merealisasikan rumah mampu milik, **Kerajaan Persekutuan akan menyediakan peruntukan pembangunan untuk membantu dari segi pemberian subsidi dan Kerajaan Negeri pula akan menyediakan tanah bagi tujuan pembangunan.**

Menurut YB Akmal, “Pada masa ini sebanyak **21 projek PPR** telah dan sedang dilaksanakan di Negeri Johor yang merangkumi **13 projek siap (11,595 unit), 6 projek yang masih dalam pembinaan (2,830) dan 2 projek di dalam perancangan (900 unit).**”

Tambah beliau, “Pembinaan PPR merupakan antara fokus Kerajaan di dalam memastikan aspek **ketersediaan** perumahan rakyat dipenuhi khususnya bagi golongan B40. Ia juga dilaksanakan seiring dengan hasrat Kerajaan di dalam menyediakan dan memastikan **500,000 unit rumah mampu milik disediakan di seluruh negara sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-12.**”

Sejak program PPR ini diperkenalkan pada tahun 1998, sebanyak **162 projek** yang melibatkan **100,696 unit rumah** telah siap dibina di seluruh negara dan memberi manfaat **yang besar** kepada golongan B40. Manakala, **21 projek dengan kapasiti 8,337 unit rumah sedang dalam peringkat pembinaan** dan sebanyak **17 projek yang meliputi 4,906 unit dalam perancangan.**

Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Berusaha Tuan Haji Suhaimi bin Ali@Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan & Kesejahteraan Komuniti) KPKT, YB Datin Paduka Dr. Hajah Suhailizan binti Suliman, Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor; YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru serta pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT terus komited dan peka dalam usaha menjayakan agenda Malaysia Berdaya Huni melalui penyediaan perumahan mampu milik yang berkualiti dan kondusif kepada rakyat. Justeru, kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri amat penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

